

UMS-KAL berjaya lahirkan 5,280 graduan

UM 09.05.2012 26

LABUAN 8 Mei - Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) yang ditubuhkan pada Mei 1999 telah berjaya mengeluarkan seramai 5,280 graduan dalam pelbagai bidang.

Pengarah UMS-KAL, Prof. Dr. Shariff Abdul Kadir Omang berkata, sejak beroperasi 12 tahun lalu universiti itu turut membantu graduan-graduannya yang berjaya untuk mendapatkan kerjaya yang sesuai di sektor awam dan swasta.

"Secara tidak langsung ekonomi Labuan dapat ditingkatkan dan kita melihat sendiri pembangunan fizikal, pertambahan penduduk, industri pelancongan, perumahan, pengangkutan, telekomunikasi, peluang kerjaya, perniagaan dan kraftangan semakin bertambah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penghargaan UMS-KAL Bersama Media 2012 di sini baru-baru ini.



SHARIFF Abdul Kadir Omang (depan, tiga dari kanan) bersama kakitangan Jabatan Penyiaran Labuan yang hadir pada Majlis Penghargaan UMS-KAL Bersama Media 2012, di Labuan, baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Penerangan Labuan, Mohd. Taib Ubah; Pengarah Jabatan Penyiaran Labuan, Ramlah Johari dan Tim-

balan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohamad Tuah.

Pada majlis itu, beliau turut menyampaikan cenderamata kepada pe-

ngamal media, kakitangan Jabatan Penyiaran dan Jabatan Penerangan yang banyak membantu mempromosi kegiatan mahasiswa dan kakitangan.

Shariff berkata, ketika ini terdapat 2,100 mahasiswa termasuk 176 pelajar antarabangsa dari China, Turki dan Tanzania serta enam pensyarah dari Bangladesh dan seorang dari Jepun bertugas di UMS-KAL.

Menurutnya, Kerajaan Pusat melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah meluluskan peruntukan besar untuk membina projek prasarana bagi kemudahan mahasiswa, pensyarah dan kakitangan universiti berkenaan.

"Antara projek tersebut adalah pembinaan dewan kuliah pusat, menaiktaraf kolej kediaman pelajar, membina laluan berbumbung, menaiktaraf kemudahan sukan dan bilik kuliah serta bilik pensyarah," ujarnya.

Dalam ucapannya, beliau berkata, komitmen dan penglibatan pengamal media menjayakan aktiviti UMS-KAL berjaya membantu mempromosi dan memperkenalkan universiti itu ke seluruh negara.